

Implementasi Tasawuf dalam Penghayatan Rukun Islam dan Pengaruhnya kepada Penyucian Jiwa (*Tazkiyah Al-Nafs*) Menurut Sa`id Hawwa

CHE ZARRINA BINTI SA`ARI¹
SHARIFAH FATIMAH BINTI SYED OMAR²

*Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur*

¹zarrina@um.edu.my,²ummukhaulah@yahoo.com

Abstrak Artikel ini membincangkan tentang implementasi tasawuf dalam pelaksanaan Rukun Islam berlandaskan perspektif Sa`id Hawwa. Kajian yang menggunakan metode analisis dokumen ini merujuk sejumlah karya tasawuf Sa`id Hawwa bagi menyelami pandangan beliau berkenaan isu ini. Di samping itu, pemikiran tokoh sufi terkenal, al-Ghazali, turut diselidiki sebagai perbandingan. Kajian ini mendapati bahawa Rukun Islam yang terdiri dari dua kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji mempunyai nilai-nilai tasawuf tersendiri yang boleh memberi kesan terhadap usaha penyucian diri (*tazkiyah al-nafs*) yang menjadi tema utama para sufi dan pendakwah. Justeru, Sa`id Hawwa telah mengetengahkan suatu kaedah penyucian diri berdasarkan penghayatan nilai tasawuf tersebut bagi setiap Rukun Islam merangkumi cara, kesan dan hasil yang dijangka dapat dicapai. Sa`id Hawwa menyarankan agar pihak pendakwah menggunakan kaedah ini dalam membentuk diri sebagai Muslim sejati.

Kata Kunci: *Tazkiyah al-nafs*, Sa`id Hawwa, Rukun Islam, pendakwah, tasawuf.

Abstract This article discusses the implementation of Sufism in the practices of Islamic pillars from Sa`id Hawwa's perspective. The study using the method of document analysis refers to a number of Sufism works by Sa`id Hawwa to dive into his views on this issue. In addition, thoughts of the famous Sufi figure, al-Ghazali, were also investigated for comparison. The study found that the Pillars of Islam consists of Shahadah, Prayer, Fasting, Alms-giving and Pilgrimage have special mystical values that can affect the self-purification (*tazkiyah al-nafs*), which is the central theme of the Sufis and Muslim missionaries. Thus, Sa`id Hawwa highlighted a method of self-

purification based on appreciation of the mystical values for every Pillars of Islam consist of techniques, effects and outcomes to be achieved. Sa'id Hawwa suggested that the Muslim missionaries should use this method in establishing themselves as a true Muslim.

Keywords: *Self-purification*, Sa'id Hawwa, Pillars of Islam, Muslim missionary, Sufism.

PENDAHULUAN

Perbincangan yang akan diketengahkan di dalam artikel ini adalah berkisar tentang implementasi nilai-nilai tasawuf dalam pelaksanaan setiap Rukun Islam yang menjadi kewajiban dan manhaj hidup setiap Muslim. Setiap ibadah yang terkandung dalam rangkaian rukun ini apabila dilaksanakan dengan suntikan nilai-nilai spiritual atau tasawuf, maka pengaruhnya kepada manusia akan mewujudkan nilai-nilai keimanan, ikhlas, takut (*al-khawf*) dan harap (*al-raja'*), mengutamakan reda Allah dan cinta kepadanya serta terhindar daripada pelbagai akhlak mazmumah. Syahadah, solat, zakat, puasa dan haji dalam Rukun Islam berupaya untuk bertindak sebagai momentum kepada tercapainya penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) seseorang Muslim dan ia amat bergantung kepada tahap penghayatan seseorang itu terhadap nilai-nilai tasawuf dalam pelaksanaannya. Justeru, artikel ini cuba untuk memperkenalkan secara ringkas sejarah latar belakang kehidupan dan sumbangan Sa'id Hawwa sebagai salah seorang tokoh yang turut menyumbang kepada keilmuan tasawuf dan membawakan satu perbincangan bagaimana implementasi tasawuf terhadap penghayatan Rukun Islam boleh bertindak sebagai wadah utama menuju kepada penyucian jiwa seseorang Muslim. Penulis cuba memetik sebahagian besar lontaran mutiara ilmu berkaitan perkara ini dari sudut pandang Sa'id Hawwa yang telah mempersembahkan idea al-Ghazali daripada kitab *Ihya' `Ulum al-Din* dalam versi baharu sebagai seorang tokoh dakwah kontemporari berjiwa sufi yang amat menitikberatkan pembangunan rohaniah setiap insan dalam apa jua lapangan kehidupan.

SA`ID HAWWA SEBAGAI PENDAKWAH HARAKI BERJIWA SUFI

Sa`id bin Muhammad bin Hawwa atau lebih dikenali dengan Sa`id Hawwa merupakan seorang ulama, ilmuwan dan pendakwah haraki yang tidak asing lagi bagi pencinta gerakan Islam. Beliau adalah anak kelahiran Kota Hamah, Syria yang diputerakan pada 27 September 1935 dan memiliki keistimewaan nasab keturunan yang bersambung dengan Rasulullah SAW daripada susur galur kabilah al-Na`im. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Ibn Rushd bertempat di kota kelahirannya, sebuah kota yang didiami ramai para ilmuwan. Di samping pendidikan formal yang diterimanya di madrasah tersebut, Sa`id Hawwa turut menerima pendidikan tidak formal daripada guru-guru halaqahnya seperti Shaykh Sa`id Na`san, Shaykh Muhammad `Ali Murad dan ramai lagi dalam lapangan keilmuan al-Quran, fiqah, hadis dan tasawuf. Ketika berada di madrasah tersebut, beliau mula didedahkan dengan hal ehwal gerakan Islam Ikhwan al-Muslimin seawal usia 18 tahun lagi. Seterusnya, beliau menyambung pengajian tingginya di Universiti Damsyik, Syria sehingga memperoleh ijazah pertamanya di samping berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran dan berguru dengan ramai para ilmuwan dan cendekiawan seperti Dr Mustafa al-Siba`ie, Shaykh Mustafa al-Zarqa`, Shaykh Muntasar al-Kattani dan ramai lagi. Malah ketika di universiti juga, beliau tidak melepaskan peluang menimba ilmu daripada guru-guru halaqahnya di samping masih bergiat aktif dalam gerakan Ikhwan tanpa mengabaikan tanggungjawab utamanya menimba ilmu formal di universiti. Antara guru-guru yang disifatkan Sa`id Hawwa sebagai murabbi dan pemimpin rohani yang amat mendominasi pandangan hidup dan agamanya adalah Shaykh Muhammad al-Hamid yang merupakan gurunya bagi mata pelajaran *Tarbiyah al-Islamiyyah* dan Shaykh Muhammad al-Hashimi merangkap guru tidak formalnya yang mengajarkan kitab *Jawharah al-Tawhid* (Hawwa, 1988:9-461; `Aqil, 2000: 448-452).

Sa`id Hawwa memiliki kecenderungan sufi pada dirinya yang sering mendominasi perlakuan, pemikiran dan pandangan hidupnya sementara guru-gurunya pula amat memberikan kesan kepada kehidupan beragamanya, Shaykh Muhammad al-Hamid dan Shaykh Muhammad al-Hashimi adalah terdiri daripada sheikh yang memimpin tarekat sufi ketika itu. Kecenderungan kepada tasawuf inilah menjadi '*turning point*' yang cukup bermakna dalam kehidupan keilmuan dan kerohanian Sa`id Hawwa ketika berada di Universiti Damsyik, iaitu beliau telah melawat Shaykh Muhammad

al-Hashimi yang merupakan seorang sheikh bagi Tarekat al-Darqawiyah. Setelah sekian lama berulang alik menimba ilmu daripada gurunya itu, beliau telah mengambil wirid-wirid *ma`thur*. Malah, beliau turut diijazahkan secara bertulis di lapangan dakwah dalam melatih dan memberikan nasihat kepada ahli suluk. Beliau juga telah banyak menyertai khalwah bersama sheikh-sheikh sufi terkemuka ketika itu seperti Shaykh Sa`id al-Burhani, Shaykh `Abd al-Qadir `Isa dan Shaykh Basyir Qahwuji. Keterlibatan secara langsung dalam dunia kesufian beliau bertambah lebih rancak apabila gerakan Ikhwan di Syria telah dibubarkan oleh kerajaan sehingga menyebabkan Sa`id Hawwa mengubah haluan kepada dunia tasawuf yang dinisbahkan oleh beliau sebagai satu titik permulaan `uzlah untuk mengislahkan diri dan agamanya. Malah, pada ketika itu juga berlakunya penyatuan di antara negara Syria dengan Mesir dan politik pemerintah ketika itu tidak mengganggu sebarang kegiatan perkumpulan-perkumpulan tasawuf di Hamah. Situasi ini menyebabkan Sa`id Hawwa mengambil peluang meneruskan misi dakwahnya di samping mempraktikkan amalan kerohanian dalam perkumpulan tasawuf ini sehingga beliau berjaya menghidupkan satu fikrah ilmu dan dakwah dalam tasawuf dengan menubuhkan Dar al-Fuqara` sebagai markas dan pusat pemancar roh, menyebarkan ilmu kerohanian, pemikiran, dan dakwah di Hamah (Hawwa, 1988: 46-60; `Aqil, 2000: 450; Weismann, 1993: 607-608; Muhamad Pisol, 2001: 20-21).

Keterlibatan Sa`id Hawwa dalam gerakan Ikhwan pula amat didokong oleh gurunya, Shaykh Muhammad al-Hamid dan beliau memulakan misi dakwah Ikhwan tersebut dengan bertindak sebagai naqib usrah Ikhwan, pemedato utama demonstrasi menentang hukuman gantung aktivis Ikhwan dan menentang Perjanjian Belfour (antara British dan Yahudi), terlibat dalam kempen pilihan raya untuk memenangkan calon Ikhwan, malah turut ditugaskan untuk menyiapkan manhaj Ikhwan dan dijadikan teks usrah Ikhwan Syria ketika itu. Seterusnya, Sa`id Hawwa turut dilantik sebagai *Muraqib `Am* Ikhwan Syria, anggota majlis syura Ikhwan dan ahli Majlis *Maktab al-Irshad*. Pelbagai perancangan, kaedah-kaedah baharu dalam berdakwah cuba dirangka, kritikan-kritikan luaran dan dalaman Ikhwan yang membina diutarakan, serta menyeru setiap anggota Ikhwan untuk sentiasa bermuhasabah diri. Pada 1973, beliau telah dipenjarakan selama lima tahun oleh pemerintah Syria, namun beliau masih berkesempatan menyiapkan beberapa buah penulisan sepanjang tempoh berada di dalam

penjara. Setelah sekian lama berada dalam dunia perjuangan bersama Ikhwan, beliau diuji dengan penyakit fizikal seperti rabun mata, kencing manis, darah tinggi dan jantung sehingga kerap mengganggu gerak kerja perjuangan yang akhirnya memaksa beliau mengundurkan diri daripada Ikhwan pada 14 Mac 1987 atas nasihat doktor yang merawatnya. Tidak lama selepas itu, beliau diserang angin ahmar dan koma untuk beberapa ketika sebelum menghembuskan nafas terakhirnya pada 14 Disember 1988 yang memaknakan bahawa beliau telah melalui tempoh kehidupan dan perjuangan yang agak singkat iaitu 53 tahun (Hawwa, 1988: 27-48; 45-165; `Aqil 2000: 455-456; Riduan, 2009: 195).

Namun begitu, perjalanan yang singkat tersebut tidak bermakna sedikitnya jasa dan sumbangan beliau. Beliau telah menabur bakti dalam memaknakan kehidupan untuk Islam serta peninggalan warisan penulisan yang banyak sehingga menjangkau 30 buah dengan pelbagai siri merangkumi keilmuan akidah, tafsir, hadis, fiqh dakwah dan amal islami dalam gerakan Islam, malah turut tidak ketinggalan mewarisi keilmuan tasawuf dan kerohanian kepada masyarakat dengan wujudnya tiga buah kitab berjudul *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*, *Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus* dan *Mudhakkirat fi Manazil al-Siddiqin wa al-Rabbaniyyin* yang disistemkan di bawah satu siri yang dinamakan sebagai '*Silsilah fi al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Suluk*' (Hawwa, 1988: 165-167; `Aqil, 2000: 450-452; Riduan, 2009: 195).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Sa`id Hawwa merupakan seorang pendakwah haraki yang amat berdedikasi dalam menekuni hal ehwal pentarbiahan rohani umat Islam berorientasikan unsur-unsur tasawuf yang terpadu, seimbang dan turut diserasikan dengan semangat perjuangan dakwah. Malahan, siri penulisan ini mampu bertindak sebagai modul pembangun jiwa untuk kader-kader gerakan dakwah Islam seluruh dunia dalam membina jati diri keilmuan dan keagamaan, semangat jihad dan daya juang untuk Islam, kesucian rohani dan keutuhan hubungan dengan Allah, serta interaksi sosial dan muamalah yang sempurna dalam bermasyarakat. Individu yang bakal lahir nanti bukan sahaja cemerlang dalam komitmen beragamanya bahkan, turut sama cemerlang dalam komitmen kemanusiaannya sehingga akhirnya menjana masyarakat yang cemerlang di dunia dan akhirat.

AKIDAH DAN SYARIAT DALAM RUKUN ISLAM: HUBUNGANNYA DENGAN TASAWUF DAN *TAZKIYAH AL-NAFS*

Kurun ke-3H/9M telah menyaksikan pertembungan hebat di antara golongan sufi dan fuqaha sehingga berlaku tuduhan mengkafirkan sesetengah golongan sufi lantaran *shatahat*, perkataan luar biasa yang terkeluar dari bibir mereka. Pertembungan ini akhirnya mendorong al-Qushayri, al-Sirhindi, al-Ghazali dan ramai lagi bangkit untuk menilai semula pertembungan dan memurnikan kembali ilmu tasawuf berasaskan kefahaman yang sebenar terhadap al-Quran dan al-Sunnah serta meletakkan pendirian yang kukuh bahawa akidah dan syariat harus menjadi asas utama kepada tasawuf (al-Taftazani, 1979: 93-141). Pengamal tasawuf memiliki pendekatan tersendiri dan penghayatan tertentu dalam berakidah serta beramal ibadah dan pendekatan mereka ini bukanlah suatu yang berada di luar lingkungan syariat Islam. Bahkan, rasa-rohaniah yang dicapai dalam pengamalan mereka adalah suatu kesempurnaan keislaman mereka serta pengadaptasian konsep ihsan dalam beramal. Hal ini demikian kerana kehidupan bertasawuf amat menekankan kepada orientasi adab dan akhlak dengan Allah yang berganding seiringan dengan pengamalan mereka yang bertujuan untuk mendisiplinkan diri mereka dalam bermujahadah melawan hawa nafsu, pergaulan, percakapan, penampilan dan cara hidup yang sentiasa berada dalam rangka berusaha untuk membersihkan jiwa daripada sifat-sifat keji.

Akidah dan keyakinan utama bagi umat Islam yang bukan sekadar ucapan lisan syahadah '*Ashhadu An La Ilaha Illa Allah*,' mengetahui perkara-perkara yang membatalkan syahadah, batas iman, syirik dan kufur, malah beriman ini pada hakikatnya adalah suatu penghayatan keyakinan yang menjurus kepada rasa-rohaniah (*dhawq wa al-`atifi wa al-shu`uri wa al-tahaqquqi*), cara bagaimana merasakan pengawasan Allah terhadap makhluk-Nya dan mekanisme-mekanisme praktikal yang diperlukan untuk mencapai rasa-rohaniah (*dhawq*) tersebut yang membawa kepada pengukuhan pegangan akidah dan keimanan manusia (Musa, 1996: 1-2). Menurut Sa'id Hawwa, disiplin ilmu tasawuf yang membahaskan secara komprehensif tentang bagaimana merasakan nilai-nilai yang diyakini dalam syahadah sebagai Rukun Islam pertama dengan menekankan persoalan rasa-rohani (*tadhawwuq*). Tasawuf yang sebenar adalah ilmu yang menjadikan seseorang manusia merasakan nilai-nilai akidah dan keimanan kepada Allah dan kebenaran utusan Rasulullah SAW dengan penyaksian

'*Ashhadu Anna Muhammad Rasul Allah*' dengan sepenuh hati baik secara zahir mahupun batin, malah *ma`rifah shu`uriyyah* yang dirasakan itu sama sekali tidak bertentangan dengan hukum berakidah di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah (Hawwa, 1999: 52-54). Penghayatan yang sebenar terhadap akidah ini merupakan ramuan yang paling mujarab bagi membentuk jiwa yang bertakwa dan sentiasa mengabdikan diri kepada Allah (Ibn Taymiyyah, 2001: 355). Justeru, penyaksian (*syahadah*) akan keesaan Allah dan kebenaran utusan Nabi Muhammad SAW suatu penghayatan dan pengalaman rohani yang sangat peribadi yang dialami dan dihayati dengan orientasi rasa rohaniah (*dhawq*) dan bukan hanya suatu konsep yang ditanggapi dan diucapkan semata-mata. Hal ini demikian kerana sifat asal tasawuf itu sendiri berorientasikan *tadhawwuq* yang membawa kepada penghayatan mendalam serta mampu merasakan makrifat dan kedekatan hubungan dengan Allah yang akhirnya penghayatan sebegini mampu diekspresikan dengan kemanisan iman (*halawah al-Iman*).

Syariat pula adalah suatu ketentuan dan tatacara bermuamalah dalam kehidupan yang wajib dipatuhi seluruh umat Islam. Namun, perkara hakikat yang menjadi suatu hasilan kepada pelaksanaan suruhan syariat tadi merupakan suatu pegangan utama dalam pengamalan sufi demi mencapai suatu kepuasan dalam beribadah untuk sentiasa berada hampir dengan Allah (Zakaria, 1989: 96). Setiap pelaksanaan syariat yang tidak diperkukuhkan dengan hakikat adalah tidak sempurna, demikian pula hakikat yang tidak diikat kemas dengan syariat adalah tidak diterima (Al-Qushayri, 2003: 168). Bagi Sa`id Hawwa, tasawuf merupakan penyempurna kepada fiqh dan berupaya meningkatkan motivasi manusia untuk melaksanakan hukum-hukum syarak kerana makrifah secara rasa terhadap Allah akan melahirkan pelaksanaan yang sempurna terhadap hukum-Nya malah menyempurnakan lagi roh ibadah tersebut (Hawwa, 1999: 57). Justeru, bagi pengamal tasawuf, antara syariat dan hakikat yang dicapai adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan dalam mencapai kesempurnaan beramal. Interpretasi tersendiri pengamal tasawuf yang kelihatan amat teliti, tegas dan penekanan kepada kesempurnaan adab-adab zahir yang akan menentukan kesempurnaan batin bertujuan mendekati diri kepada Allah. Begitu juga dengan penekanan kepada hikmah yang lebih dalam kepada hati untuk mencapai penyucian jiwa sama ada dalam penghayatan solat, zakat, puasa dan haji kesemuanya mempunyai tujuan yang sama, Walau bagaimanapun, ia sama sekali tidak menafikan pengiltizaman mereka terhadap ketentuan-

ketentuan syarak kerana itulah yang lebih utama. Malah, kesemua hakikat ini mampu bertindak sebagai motivasi dalam diri mereka untuk memilih yang terbaik dan tertinggi nilainya dalam beramal agar mencapai penyaksian (*mushahadah*) dan makrifah kepada Allah.

Walaupun implementasi tasawuf dalam berakidah dan beribadah kelihatannya agak eksklusif untuk golongan sufi, keperluan zaman kontemporari dengan segala cabaran dalam beragama dan berkehidupan sesuai dengan tuntutan syariat Islam menyebabkan Sa'id Hawwa terpenggil untuk memasyarakatkan keilmuan ini kerana ia sangat diperlukan oleh semua manusia sepanjang zaman (Hawwa, 1999:5). Justeru, dengan orientasi keterikatan yang saling melengkapi antara akidah, syariat dan tasawuf ini, Sa'id Hawwa melihat bahawa Rukun Islam dengan segala penghayatan dalam melaksanakannya akan berfungsi sebagai wasilah dan wadah utama dalam membawa jiwa manusia menuju kepada kesucian.

Penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) bagi Sa'id Hawwa merangkumi makna menyucikan jiwa daripada syirik, merealisasikannya dengan tauhid, berakhlak dengan *Asma` Allah* seiring dengan pengibadatan yang sempurna untuk Allah dan bebas daripada dakwaan *rububiyah* dan kesemuanya ini adalah melalui peneladanan kepada Rasulullah SAW. Kesemua nilai yang terkandung dalam *tazkiyah* ini telah dirangkumi oleh setiap Rukun Islam apabila ia dihayati dengan sempurna serta penunaianya mengimplementasikan nilai-nilai tasawuf. Menurut Sa'id Hawwa, ibadah dalam Rukun Islam ini menjadi momentum yang kuat untuk melangkah kepada proses penyucian jiwa yang seterusnya, membersihkan jiwa (*tatahhur*) daripada sifat keji, merealisasikannya (*tahaqquq*) dengan akhlak mahmudah, berakhlak (*takhalluq*) dengan *Asma` al-Husna* sebatas upaya kemanusiaan, serta meneladani keperibadian Nabi Muhammad yang akhirnya membawa kepada terhasilnya jiwa yang suci (Hawwa, t.t.: 33-39:181). Sempurnanya penyucian jiwa menurut Sa'id Hawwa bertitik tolak daripada sempurnanya penghayatan terhadap Rukun Islam ini.

IMPLEMENTASI TASAWUF DALAM RUKUN ISLAM SEBAGAI PRAKTIKAL *TAZKIYAH AL-NAFS*

Perbincangan ini menengahkan syahadah, solat, zakat, puasa dan haji sebagai satu rangkaian akidah dan ibadah umat Islam yang amat memberi kesan terhadap jiwa manusia. Ia mampu menyembuhkan jiwa yang sakit, mengeluarkannya daripada genggaman hawa nafsu dan merealisasikan dengan keimanan dan budi pekerti yang mulia.

a) **Implementasi tasawuf dalam syahadah dan pengaruhnya kepada *tazkiyah al-nafs***

Dua kalimah syahadah merupakan suatu pegangan, pengilmuan, malah merupakan suatu penghayatan terhadap keesaan Allah dan kebenaran Rasulullah SAW sebagai utusan Allah. Dari perspektif penghayatan, dua kalimah syahadah adalah dasar terpenting yang dijadikan sebagai *ruh* dalam setiap pelaksanaan seluruh ajaran Islam dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana sebanyak mana sekalipun amal kebajikan yang dilakukan tetapi jika tidak didasari dengan *ruh*, maka amal kebajikan individu menjadi sia-sia di sisi Allah. Apabila kalimah '*Ashhadu an la ilaha illa Allah*' diucapkan, secara mendalamnya umat Islam harus merasakan seolah-olah kalimah ini bermaksud 'tiada yang dipercayai, memberikan ketenangan, dipohon pertolongan, dicintai, diibadahi, ditaati, berhak menentukan hukum dan dimuliakan melainkan hanya Allah.' Kesaksian sebegini dalam syahadah bukan hanya pada lisan, tetapi turut disertai dengan merasakannya menggunakan akal dan hati secara amat tegas tanpa keraguan sebagaimana ketegasan seseorang yang bersumpah (Hawwa, 2001: 25-31). Kerasulan Nabi Muhammad SAW dengan lafaz '*Ashhadu anna Muhammad Rasul Allah*' pula menjelaskan bahawa umat Islam tidak akan dapat melaksanakan tuntutan '*Ashhadu an la ilaha illa Allah*' kecuali setelah mengenal dan mencintai Rasul-Nya sepenuh hati, keimanan dan keyakinan yang tinggi kepada apa yang telah dihabarkan oleh Allah melalui rasul-Nya, beriman dengan sifat-sifat kerasulan Baginda, bahkan mereka turut berusaha bersungguh-sungguh untuk meneladani keperibadian Rasulullah SAW sebagai pimpinan agung (Hawwa, 2001: 41-55).

Komitmen kepada dua kalimah syahadah hakikatnya adalah suatu komitmen kepada seluruh Rukun Iman yang diimani oleh setiap manusia. Kalimah '*Ashhadu an la ilaha illa Allah*' secara tegas menyebutkan tentang Rukun Iman yang pertama, iaitu beriman kepada Allah, manakala kalimah '*Ashhadu anna Muhammad Rasul Allah*' secara tegas menyebutkan keimanan kepada Rasul sebagai Rukun Iman kedua. Maka, orang yang telah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya pasti beriman pula dengan para malaikat dan isi kandungan kitab Allah, iaitu al-Quran yang telah dihabarkan oleh Rasul-Nya. Orang yang telah beriman kepada Allah, rasul, malaikat dan kitab al-Quran pasti pula beriman kepada hari akhirat sebagaimana yang telah ditegaskan di dalam al-Quran dan dihabarkan oleh Rasul-Nya. Beriman kepada qada dan qadar pula adalah cabang daripada keimanan kepada Allah akan kekuasaan, kehendak dan ketentuan-Nya serta tercatat pula di dalam al-Quran sehingga akhirnya dia juga telah beriman kepada qada dan qadar (Hawwa, 2001: 32-33). Justeru, pemahaman terhadap kandungan rukun-rukun iman telah terangkum dalam ungkapan dan penghayatan dua kalimah syahadah.

Dua kalimah syahadah yang turut disertai dengan kecapan rohani tertentu bakal menghasilkan individu yang memiliki ketakwaan dan amal yang tinggi. Malah, kesempurnaan penghayatan dua kalimah syahadah turut menjadi wasilah kepada penerimaan amal seseorang di sisi Allah. Dua kalimah syahadah sebegini menjadi landasan kepada cita-cita, misi dan visi dalam perjalanan rohani umat Islam menuju Allah serta memacu semangat yang tinggi untuk mencapai reda Allah (Hawwa, 2001: 26).

Rasaan rohani yang dikecapi daripada dua kalimah syahadah juga bakal mewujudkan manusia yang sentiasa memiliki pergantungan hati dan tawakal yang tinggi kepada Allah, malahan turut bertindak sebagai jiwa dan motivator dalam kehidupan serta penentu kepada nilai kehidupannya dari awal hingga akhir hayat (Hawwa, 2001: 30 & 41). Kepercayaan kepada malaikat, rasul, kitab, qada dan qadar dan demikian juga dengan solat, puasa, zakat dan haji kesemuanya berdiri di atas dasar asas penghambaan diri hanya kepada Allah semata-mata dengan kesaksian '*Ashhadu an la ilaha illa Allah.*' Tempat rujukan manusia dalam semua persoalan di atas adalah berpandukan kepada apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan kesaksian '*Ashhadu anna Muhammad Rasul Allah*' (Hawwa, 2001: 42).

b) Implementasi tasawuf dalam solat dan pengaruhnya kepada *tazkiyah al-nafs*

Solat yang didirikan dengan sempurna, memenuhi rukun, syarat sah, perkara sunat yang menjadi rukun percakapan (*qawli*) dan perbuatan (*fi'li*) serta diikuti tertibnya sesuai dengan syariat dan hukum-hakamnya membawa erti bahawa seseorang itu telah menyempurnakan adab zahir daripada ibadah solat yang menjadi titik tolak bermulanya kesempurnaan solat itu sendiri (Hawwa, t.t. : 41). Namun begitu, puncak kesempurnaan solat amat difokuskan kepada adab batin atau diistilahkan sebagai khusyuk. Khusyuk merupakan *ruh* kepada solat dan kejayaan bagi orang yang beriman¹ dengan hadirnya hati, meneliti ayat-ayat al-Quran yang dibaca, kehadiran rasa mengagungkan Allah di dalamnya, pengharapan akan reda dan pahala daripada Allah, serta merasakan kelemahan dan kehinaan diri ketika berhadapan dengan Allah di saat bersolat (Hawwa, t.t: 46-48; al-Ghazali, t.t: 225-227; Karzun, 2007: 165).

Bermula daripada bersuci lagi, para Muslim bukan sahaja perlu menekankan kepada persoalan kesucian lahir anggota badan dan tempat solat. Malah, mereka amat mengutamakan kesucian batin daripada dosa, nafsu dan kelalaian yang dilakukan sebelum memulakan solat dan di sinilah bermulanya mujahadah mereka (Hawwa, t.t: 52; al-Ghazali, t.t: 231; al-Hujwiri, 1976: 350). Di saat menghadap kiblat mereka menjadikannya sebagai satu perlambangan menghadapnya hati seseorang terus kepada Allah. Malahan, rukuk dan sujud yang melambangkan kehinaan dan kerendahan darjat hamba di hadapan Allah serta merasakan kemuliaannya. Setiap bacaan dalam solat pula dibaca dengan penuh takzim menjadi perlambangan rasa syukur dan *'ubudiyyah* seseorang hamba kepada Allah (Hawwa, t.t: 52-57; al-Ghazali, t.t: 231-236; al-Hujwiri, 1976: 350).

Pada saat bersolat, umat Islam harus merasakan keberadaan dan kehadiran Allah di sisi yang merupakan satu adaptasi daripada konsep ihsan sehingga akhirnya membawa kepada wujud perasaan malu akan kekurangan diri dan berusaha untuk mempersembahkan solat yang terbaik untuk Allah (Hawwa, t.t: 42). Mereka sentiasa menerapkan di dalam jiwa bahawa dosa dan kesalahan yang pernah dilakukannya akan diampunkan Allah melalui istighfar, doa dan taubat yang dilaksanakan melalui solat mereka (Hawwa, t.t: 103). Solat juga dilihat sebagai suatu pewujudan secara

praktikal akan Rukun Islam pertama iaitu syahadah yang dilafaz menjadikan solat sebagai simbol *`ubudiyyah* yang dapat memberikan dinamika keimanan serta mengikut sifat-sifat solat sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah SAW (Hawwa, 2001: 101-102).

Nilai tasawuf yang wujud dalam solat seseorang akan mampu berperanan dengan baik dalam usaha menyucikan jiwa dan menyihatkan hati serta merealisasikan sifat-sifat mulia ke dalam diri. Malahan, ia turut mengangkat martabat solat itu sendiri ke darjat yang paling hampir kepada Allah (Hawwa, t.t:41). Solat yang penuh penghayatan ini akan berupaya melindungi diri manusia daripada perkara kemungkarannya serta sifat keji.² Malah, Sa`id Hawwa menjelaskan bahawa penegakan solat yang sempurna dapat memusnahkan bibit-bibit kesombongan, ujub, ghurur dan pembangkangan kepada Allah di samping merupakan pengakuan terhadap *rububiyyah* Allah serta memperdalamkan makna *`ubudiyyah* kepada-Nya (Hawwa, t.t: 41).

Solat yang sempurna juga menjadi medan melahirkan rasa kesyukuran dan ketundukan sebenar kepada Allah yang akhirnya menjadi pengukur kepada kesucian jiwa manusia (Hawwa, t.t: 54-55; al-Ghazali, t.t: 234). Bahkan, penghayatan yang sempurna dalam solat akan merealisasikan makna iman di dalam hati dengan keupayaannya untuk mengingati Allah, mengingati hari akhirat, mengingati rasul dan juga kitab-Nya yang akhirnya menjadi bukti keimanan dan kualiti istiqamah seseorang hamba akan solatnya (Hawwa, 2001: 101).

c) Implementasi tasawuf dalam zakat dan pengaruhnya kepada *tazkiyah al-nafs*

Zakat merupakan wasilah yang dinyatakan Sa`id Hawwa sebagai memiliki peranan yang besar dalam menyucikan jiwa manusia di mana peranan ini akan berfungsi dengan baik apabila seseorang Muslim itu memberikan penekanan kepada pengadaptasian adab zahir dan batin secara sekali gus dalam penunaianya (Hawwa, t.t: 61). Hal ini menunjukkan bahawa penyucian jiwa boleh dicapai daripada ibadah zakat apabila diniatkan ikhlas kerana Allah, menunaikannya setelah cukup *haul*, mengutamakan orang miskin dan meratakannya kepada semua asnaf. Malah, zakat yang sempurna haruslah ditunaikan dalam rangka memenuhi adab batin, iaitu menyegerakan penunaianya sebagai meraikan dan menggembirakan golongan fakir dan

golongan yang amat memerlukan (Hawwa, t.t: 66; al-Ghazali, t.t: 295). Merahsiakan ibadah zakat juga merupakan salah satu amalan terbaik yang boleh menyucikan jiwa umat Islam di mana ada dalam kalangan mereka yang amat bersungguh-sungguh menyembunyikannya tanpa diketahui oleh sesiapa pun termasuk penerima zakat itu sendiri³ (Hawwa, t.t: 67; al-Ghazali, t.t: 295-296). Ibadah zakat yang sempurna juga amat menekankan bahawa penunaianya mestilah tidak diungkit-ungkit kepada orang lain sehingga boleh menyakiti penerimanya yang akhirnya boleh merosakkan zakat tersebut dan tiada nilainya di sisi Allah (Hawwa, t.t: 68; al-Ghazali, t.t: 297; Ibn Qudamah, t.t: 34).

Dalam menangani perasaan ujub yang dibimbangi bakal timbul daripada penunaian zakat, umat Islam perlu berpegang pada satu prinsip bahawa pemberian zakat tersebut haruslah dianggap sebagai satu jumlah yang amat kecil dan kerdil berbanding dengan pemberian daripada orang lain. Malahan, pemberian daripada Allah adalah lebih besar dan banyak, yang tidak akan mampu ditandinginya. Rasa malu dan kekerdilan inilah akan menyebabkan bertambahnya keikhlasan mereka dalam menghulurkan zakat tersebut (Hawwa, t.t: 68-69; al-Ghazali, t.t: 297; Ibn Qudamah, t.t: 34). Selain itu, sikap untuk menghulur lebih harta yang paling disayangi, paling dicintai, paling baik dan paling halal adalah amat ditekankan⁴ (Hawwa, t.t: 69; al-Ghazali, t.t: 298; Ibn Qudamah, t.t: 34). Malah, dalam menentukan siapa yang bakal menerima zakat pemberiannya juga perlulah mengutamakan kepada penerima zakat yang boleh mememanfaatkannya dengan baik dan digunakan pada jalan yang diredai Allah seperti penuntut ilmu, orang yang benar-benar miskin dan golongan yang amat memerlukan yang boleh menggunakan pemberian tersebut ke jalan ketaqwaan dan keredaan Allah (Hawwa, t.t: 70-71; al-Ghazali, t.t: 299; Ibn Qudamah, t.t: 35-36).

Apabila penunaian zakat memenuhi piawaian syarat batin dan penuh keikhlasan di samping menyempurnakan adab zahir, maka zakat sebeginilah yang berupaya dengan sebaiknya dalam menyucikan jiwa dan hati manusia. Sejauh mana zakat ini berperanan dalam *tazkiyah al-nafs* dapat dilihat daripada tujuan utama zakat itu sendiri, iaitu menyucikan harta yang dimiliki serta menunaikan hak orang lain yang lebih memerlukan untuk dipenuhi, bahkan turut membersihkan jiwa manusia daripada bertabiat kedekut (Hawwa, t.t: 61).

Setelah erti zakat difahami dengan betul dan telah terhindar daripada sifat kedekut, riak, dan sombong, maka akan lahir rasa kesyukuran yang tidak terhingga terhadap nikmat harta pemberian Allah. Ia merupakan suatu ibadah harta (*maliyyah*) seseorang hamba untuk dipersembahkan kepada Tuhannya (Hawwa, t.t: 64; al-Ghazali, t.t: 293; Ibn Qudamah, t.t: 33; al-Hujwiri, 1976: 366). Zakat merupakan hak terpenting di dalam harta seseorang manusia dan kerana itulah ianya menjadi simbol kepada penyerahan yang total kepada Allah dalam persoalan harta ini (Hawwa, 2001: 119).

d) Implementasi tasawuf dalam ibadah puasa dan pengaruhnya kepada *tazkiyah al-nafs*

Puasa yang sempurna menurut praktikal sebenar yang dianjurkan Islam bukan sekadar menahan perut yang lapar dan keaiban daripada menuruti hawa nafsu. Malahan, puasa menjadi faktor terpenting dalam menyucikan jiwa manusia apabila seseorang itu berjaya mengimplementasikan nilai-nilai tasawuf dalam pelaksanaannya serta bermujahadah melawan hawa nafsu (al-Hujwiri, 1976: 375]. Puasa yang dijalani diniatkan semata-mata kerana Allah dan keimanan kepada-Nya untuk mengharapkan keampunan, reda dan pahala daripada-Nya (Hawwa, 2001:169). Pelaksanaan ibadah puasa memerlukan seseorang Muslim itu memelihara dan menundukkan pandangan mata daripada melihat pelbagai perkara yang boleh menyebabkan kebencian dan kemurkaan Allah serta melalaikan diri daripada mengingati-Nya (Hawwa, t.t: 75; al-Ghazali, t.t: 317; Ibn Qayyim, 2007, 194-196; al-Hujwiri, 1976:374). Malah, penghayatan yang sempurna terhadap puasa menuntut mereka memelihara setiap patah percakapan dan pertuturan daripada pelbagai dosa lidah sebagaimana yang sering dilakukan oleh orang yang lalai. Bahkan, lidah dimanfaatkan sebaik mungkin untuk membaca al-Quran, berzikir mengingati Allah dan tidak menuturkan perkara sia-sia yang boleh mengurangkan pahala puasa (Hawwa, t.t: 76; Hawwa, 2001: 169; al-Ghazali, t.t: 317-318; Ibn Qudamah, t.t: 39; al-Hujwiri, 1976: 375).

Begitu juga dengan penjagaan dan pemeliharaan fungsi pendengaran daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan pelbagai lagi dosa telinga yang boleh merosakkan kesempurnaan puasa amat diberikan penekanan. Sepanjang berpuasa, telinga haruslah sentiasa dihiasi dengan mendengar bacaan al-Quran, zikir, berada di majlis ilmu mendengar peringatan, perkara-perkara yang boleh membawa

keinsafan kepada diri dan menambahkan keimanan kepada Allah (Hawwa, t.t: 76; al-Ghazali, t.t: 318; al-Hujwiri, 1976: 375). Selain itu, umat Islam juga disarankan memelihara seluruh anggota badan mereka yang lain di mana anggota kaki dicegah daripada melangkah ke tempat maksiat, perut dielakkan daripada mengambil makanan yang haram mahupun syubhah dan anggota lain (sentiasa diarahkan kepada perkara kebajikan dan kebaikan (Hawwa, t.t: 76; Hawwa, 2001: 169; al-Ghazali, t.t: 318; al-Hujwiri, 1976: 375).

Malahan, ketika berbuka puasa juga nilai-nilai kerohanian turut menjadi keutamaan umat Islam yang melarang mereka untuk menikmati makanan berbuka puasa secara berlebihan, bersifat rakus dan lahap sehingga boleh merosakkan kesihatan walaupun makanan yang dihidangkan itu daripada sumber yang halal, apatah lagi lebih kuat larangannya apabila ia daripada sumber yang haram dan syubhah. Hal ini demikian kerana perut yang kenyang secara keterlaluan hanya akan memenangkan hawa nafsu serta membuka peluang kepada godaan-godaan syaitan (Hawwa, t.t: 77; al-Ghazali, t.t: 318-319; Ibn Qudamah, t.t: 40).

Justeru, apabila nilai-nilai tersebut diterapkan dalam menjalani puasa, maka ia bakal berperanan sebagai pengendali kepada syahwat dan nafsu manusia. Selain itu, ia berupaya melatih diri dengan kebiasaan terbaik untuk bersikap sabar⁵ yang melambangkan kekuatan mujahadah seseorang hamba. Ia juga merupakan jalan utama untuk mencapai darjat takwa⁶ yang merupakan suatu tuntutan *`ubudiyah* daripada Allah kepada hamba-Nya (Hawwa, t.t: 73; Hawwa, 2001: 170-171).

Puasa yang sempurna dan penuh penghayatan juga merupakan satu penahan utama kepada kehendak buruk syahwat perut dan kemaluan setiap manusia. Hal ini demikian kerana syahwat perut dan kemaluan boleh membuatkan manusia itu menyimpang daripada hidupnya yang sebenar (Hawwa, t.t: 73). Bahkan, puasa yang dihayati dengan nilai-nilai tasawuf merupakan satu saranan terbaik kepada pengharapan dan kebergantungan yang tinggi dalam mempersembahkan puasa agar diterima Allah serta menepati puasa orang-orang yang hampir dengan Allah (*muqarrabin*) (Hawwa, t.t: 77; al-Ghazali, t.t: 319).

e) **Implementasi tasawuf dalam ibadah haji dan pengaruhnya kepada *tazkiyah al-nafs***

Islam melihat bahawa ibadah haji seseorang hamba haruslah bermula dengan niat yang ikhlas serta berazam memutuskan sebarang keterikatan dengan makhluk di dunia bagi menghadap Allah dan pengorbanan jiwa untuk-Nya. Antara perkara utama yang perlu diberikan penekanan adalah sumber halal yang bakal membiayai ibadah haji. Perkara ini penting kerana ia bakal memberikan impak kepada keberkatan dan ketenangan di saat ibadah tersebut dilaksanakan (Hawwa, t.t: 81, 86-87; al-Ghazali, t.t: 362). Umat Islam juga perlu meninggalkan perkataan yang sia-sia (*rafath*), pelanggaran ketaatan kepada Allah (*fusuq*) dan bertengkar serta berbantahan (*jidat*) secara keterlaluan ketika melaksanakan ibadah haji ini (Hawwa, t.t: 81; al-Ghazali, t.t: 357).

Antara saranan kepada umat Islam dalam melaksanakan setiap ibadah dalam haji adalah dengan memperbanyakkan berjalan kaki selagi tidak membuatkan mereka merasa lemah dan menyebabkan timbulnya akhlak buruk sehingga membawa kepada pengabaian terhadap ibadah tersebut. Umat Islam juga diharuskan berpenampilan sederhana, tidak banyak memakai perhiasan, tidak bermewah dan tidak bermegah kerana dibimbangi akan timbulnya perasaan sombong diri (Hawwa, t.t: 82; al-Ghazali, t.t: 358). Mereka juga harus reda dan tenang dengan setiap pembiayaan yang dikeluarkan seperti bersedekah kepada orang miskin, membeli binatang korban dan pelbagai infaq lagi. Malah, mereka juga harus reda dan sabar dengan segala dugaan dan musibah yang menimpa sepanjang mengerjakan ibadah haji (Hawwa, t.t: 84; al-Ghazali, t.t: 359). Selain itu, umat Islam harus memberikan penekanan kepada keperluan memiliki ilmu dan kefahaman yang tinggi berkaitan ibadah haji ini supaya haji yang dilaksanakan mampu dihayati dengan sempurna.

Rahsia dan hikmah berpakaian ihram ketika melaksanakan ibadah haji hendaklah difahami. Antaranya berkaitan pakaian serba putih dan tidak berjahit yang menjadi lambang paling hampir kepada kain kafan yang akan dipakaikan apabila ajal tiba dan mengingatkan manusia akan kematian yang pasti datang. Pada saat berangkat keluar daripada kampung halamannya menuju ke Baitullah, maka umat Islam harus menyedari bahawa perpisahan dengan ahli keluarga dan tempat asalnya itu adalah sementara, sedangkan

perpisahan yang pasti adalah kematian yang akan membawa diri kepada permulaan perjalanan di alam barzakh dan alam akhirat (Hawwa, t.t: 87; al-Ghazali, t.t: 363; al-Hujwiri, 1976: 381-382).

Ketika menuju ke *miqat* untuk berniat haji, para Muslim harus merasakan satu suasana ketika keluar dari dunia dengan kematian menuju ke *miqat* pada hari kiamat kelak dan pelbagai peristiwanya yang mengerikan, suasana kegelapan, kepayahan dan berseorangan di alam kubur apabila tiadanya cahaya amal di dunia. Bermula daripada tempat *bermiqat*, umat Islam memulakan lafaz *talbiyah* menyambut seruan Allah untuk berada di rumah-Nya di samping mengharapkan diri mereka diterima Allah untuk melaksanakan setiap ibadah di tanah suci. Di samping itu, mereka hendaklah sentiasa menyandarkan segala perbuatan hanya kepada Allah, berusaha dan bertawakal hanya kepada-Nya (Hawwa,t.t: 88; al-Ghazali, t.t: 364; Ibn Qudamah, t.t: 43).

Ketika pertama kali memandang ke arah Baitullah, maka pada saat itu para Muslim harus menghadirkan ke dalam hatinya akan keagungan Kaabah. Selain itu, mereka perlu memiliki satu pengharapan agar Allah mengizinkan kepada manusia untuk melihat-Nya sebagaimana Dia membenarkan hamba-Nya melihat rumah-Nya, serta memanjatkan kesyukuran kerana Allah telah mengizinkannya bersama tetamu Allah yang lain. Tawaf tujuh pusingan di Baitullah bukan hanya dengan fizikal anggota tubuh badan, tetapi turut sama disertakan dengan tawaf hati dengan mengingati pemilik Baitullah dan berzikir kepada-Nya serta menghadirkan rasa takzim, cemas, harap dan cinta di dalam hati hanya kepada Allah. Ketika mengucup Hajar al-Aswad atau hanya dengan melambaikan tangan ke arahnya, maka pada ketika ini umat Islam harus membayangkan seolah-olah seluruh manusia berbaiah kepada Allah untuk mentaati-Nya dan mengukuhkan tekad untuk melaksanakan baiah tersebut (Hawwa, t.t: 89; al-Ghazali, t.t: 365-366; Ibn Qudamah, t.t: 43).

Berlari-lari anak (*sa`i*) di antara Bukit Safa dan Marwah melambangkan saat mundar-mandirnya seseorang hamba demi memperlihatkan keikhlasan dalam berkhidmat kepada Allah. Selain itu, mereka juga perlu mengharapkan perhatian dan kasih sayang-Nya serta membayangkan suasana mundar-mandir dirinya di saat hari perhitungan amal apabila setiap amalnya dihisab di hadapan timbangan Allah sama

ada beroleh ganjaran syurga, mahupun dihumbankan ke dalam api neraka. Ibadah wuquf pula mengajak hati seluruh umat manusia merendahkan diri dan berdoa kepada Allah agar Dia berkenan menghimpunkannya bersama umat yang berhak mendapat kasih sayang Allah di Padang Mahsyar nanti. Di saat melontar jamrah, hati umat Islam diniatkan untuk mematuhi perintah Allah demi membuktikan kehambaan dan *`ubudiyyah* serta melontarkan hasutan dan pengaruh syaitan dan nafsu yang wujud di dalam diri (Hawwa, t.t: 89-90; al-Ghazali, t.t: 366-367; Ibn Qudamah, t.t: 44).

Apabila setiap Muslim telah menyaksikan Kota Madinah yang penuh mulia, maka ingatlah bahawa inilah bandar yang dipilih oleh Allah untuk Rasul-Nya, tempat hijrahnya, tempat Baginda menerima ajaran Allah, wilayah jihad melawan musuh Islam dan memenangkan agama Allah. Malahan, ia adalah tempat persemadian Baginda dan juga tempat persemadian para sahabat Baginda. Mereka juga perlu membayangkan detik-detik kehidupan yang dilalui oleh Rasulullah SAW saat seruan Baginda diterima dan Baginda dilempar tohmahan. Malah, perlu wujud juga perasaan sesal diri kerana tidak mendapat kesempatan menjadi sahabat Baginda atau teman kepada para sahabat Baginda (Hawwa, t.t: 91-92; al-Ghazali, t.t:367-368; Ibn Qudamah, t.t: 44).

Semua nilai yang dipupuk daripada semangat mengerjakan haji yang terdiri daripada ibadah hati (*qalbiyya*), badan (*badaniyyah*) dan harta (*maliyyah*) banyak memberikan pengaruh kepada merealisasikan *tazkiyah al-nafs*. Ibadah haji berperanan kepada penyucian jiwa manusia apabila terhasilnya sejumlah nilai seperti penyerahan diri (*istislam, taslim*), menggunakan harta di jalan Allah, semangat tolong-menolong dan saling mengenali dan syiar-syiar *`ubudiyyah* yang telah menjadi kebiasaan kepada jiwa ketika melaksanakan haji tersebut (Hawwa, t.t: 79). Semua manusia daripada seluruh pelosok dunia tidak mengira pangkat dan keturunan, kaya atau miskin, golongan hamba atau tuan, kesemuanya datang ke Baitullah dengan satu misi dan visi untuk menuju Allah akan berupaya untuk membuang perasaan sombong, riak dan tinggi diri, malah turut membangkitkan nilai dan rasa ketundukan, kehinaan dan kepatuhan yang tinggi kepada Allah (Hawwa, t.t: 87; al-Ghazali, t.t: 363).

Haji boleh berperanan dalam penyucian jiwa manusia apabila ia mampu melatih kesabaran jiwa dalam menghadapi kesulitan, mewujudkan semangat yang kental dan berusaha melakukan yang terbaik dalam setiap ibadah haji, serta berjaya membina jati diri (Hawwa, t.t: 86; Hawwa, 2001:191; al-Ghazali, t.t: 362). Malah, haji boleh memberikan kefahaman bahawa penyerahan dan pergantungan tanpa syarat hanyalah kepada Allah dalam (segenap urusan kehidupan mereka sebagai lambang *`ubudiyyah*) kepada-Nya (Hawwa, t.t: 86; al-Ghazali, t.t: 362). Haji yang sempurna turut memmanifestasikan prinsip ukhuwah Islamiah, mengajar untuk sentiasa hidup dalam suasana beribadah kepada-Nya, serta mengajar untuk mengendalikan hawa nafsu manusia (Hawwa, 2001: 191-192).

KESIMPULAN

Bagi Sa`id Hawwa, setiap rukun akan mampu memberikan pengaruh dan berkesan kepada jiwa mukmin apabila ditunaikan secara sempurna dengan menepati syarat lahiriah dan memenuhi syarat batiniahnya. Dua kalimah syahadah yang dihayati membawa kepada pembentukan karakter Muslim yang mampu membebaskan diri daripada dominasi Tuhan lain dan hanya Allah yang layak disembah dan dipatuhi serta memunculkan keperibadian yang mencintai, mencontohi dan mematuhi perintah dan larangan Rasul-Nya. Solat yang khushyuk pula bertindak sebagai medan melahirkan kesyukuran dan ketundukan kepada Allah serta dapat mencegah kemungkaran dan sifat keji. Sementara itu, zakat yang ditunaikan dengan niat yang ikhlas kerana Allah berupaya menyucikan jiwa daripada tabiat kedekut dan menunaikan hak orang lain yang terdapat di dalam harta tersebut. Malahan, ia turut melahirkan kesyukuran terhadap pemberian harta daripada Allah untuk diuruskan manusia. Ibadah puasa pula mampu menjana ketakwaan, melatih kepada kesabaran, lambang mujahadah seseorang hamba serta pengawal nafsu dan syahwat manusia yang amat baik. Sementara itu, haji yang dilaksanakan dengan penuh rasa ikhlas, kehambaan, pengorbanan dan pengabdian kepada Allah mampu membawa kepada kejernihan hati, semangat persamaan tanpa kesombongan serta tinggi diri dan ketinggian akhlak sesama manusia. Justeru, dengan nilai-nilai ini jiwa manusia akan menuju kepada kesucian dan sebagai hasilnya, setiap anggota badan akan terkawal daripada pengaruh hawa nafsu dan godaan syaitan serta muamalah sesama manusia dapat berlangsung sesuai dengan perintah dan suruhan Allah SWT. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sejumlah ibadah dalam Rukun

Islam berupaya untuk bertindak sebagai momentum kepada tercapainya penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) seseorang Muslim. Walau bagaimanapun, ia amat bergantung kepada sejauh mana penghayatan seseorang itu terhadap nilai-nilai tasawuf dalam pelaksanaannya.

NOTA

¹ Lihat al-Quran, Surah al-Mu'minun (23):12 yang bermaksud: "Sesungguhnya berjajalah orang-orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk di dalam sembahyangnya."

² Lihat al-Quran, Surah al-Ankabut (29):45: "...sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar..."

³ Sabda Rasulullah SAW: "Sedekah yang paling utama adalah kesungguhan pemberian orang yang punya harta kepada orang miskin secara diam-diam." Hadis riwayat Ahmad dan Abu Dawud.

⁴ Lihat al-Quran, Surah al-Baqarah (2):267: "Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu, dan janganlah kamu memilih yang buruk daripadanya..."

⁵ Sabda Rasulullah SAW: "Puasa itu sebahagian daripada sifat sabar." Hadis riwayat Ibn Majah.

⁶ Lihat al-Quran, Surah al-Baqarah (2):183: "Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

RUJUKAN

- Al-'Aqil, 'Abd Allah 'Aqil Sulaiman. 2000. *Min a'lam al-da'wah wa al-harakah al-Islamiyyah al-mu'asirah*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. t.t.. *Ihya' ulum al-din* (1). Beirut: Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Al-Hujwiri, 'Ali ibn 'Uthman al-Jullabi. 1976. *The kashf al-mahjub: The oldest Persian treatise on sufism*. London: J.W. Gibb Memorial Trust.
- Al-Qushayri, Abi al-Qasim. 2003. *al-Risalah al-qushayriyyah*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Al-Taftazani, Abu al-Wafa.' 1979. *Madkhal ila al-tasawwuf al-Islami*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Musa Fathullah Harun. 1996. *Pengantar tasawuf Islam*. Selangor.
- Hawwa, Sa'id. 1999. *Tarbiyyatuna al-ruhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hawwa, Sa'id. t.t.. *al-Mustakhlash fi tazkiyah al-anfus*. Beirut: Dar 'Ammar.
- Hawwa, Sa'id. 2001. *al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Hawwa, Sa'id. 1988. *Hadhihi tajribati wa hadhihi shahadati*. Beirut: Dar 'Ammar.
- Ibn Taymiyyah. 2001. *Majmu'ah al-fatawa* (5). Kaherah: Dar al-Wafa.'
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 2007. *Tibb al-qulub*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Ibn Qudamah, Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Maqdisi. t.t.. *Mukhtasar minhaj al-qasidin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Karzun, Anas Ahmad. 2007. *Manhaj al-Islam fi tazkiyah al-nafs wa atharuhu fi al-da'wah ila Allah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

- Muhamad Pisol Mat Isa. 2001. *Jihad dalam politik & persoalan negara Islam mengikut pandangan Sa'id Hawwa*. Negeri Sembilan: M Khari Enterprise.
- Riduan Mohamad Nor. 2009. *Tokoh-tokoh gerakan Islam abad moden*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Weismann, Itzhak. 1993. Sa'id Hawwa: The making of a radical Muslim thinkers in modern Syria. *Middle Eastern Studies* 29:601-623.
- Zakaria Stapa. 1989. Sumber asal dan nature ilmu tasawuf: Satu perbincangan yang bersifat analitikal. *Jurnal Penyelidikan Islam* 7:79-100.